

# Hayaatul Islamiyyah subur cara hidup Islam

Pelbagai program diatur bermula semalam hingga esok

■ JAMILAH HAMZAH

**ALOR SETAR** - Program Hayaatul Islamiyyah mampu memberikan ilmu bermanfaat dalam pelbagai aspek kehidupan khususnya masyarakat Islam di sekitar bandar raya ini.

Timbalan Mufti Negeri Kedah, Syeikh Marwazi Dziauddin berkata, program yang berlandaskan keagamaan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat yang semakin mengikut arus pemodenan sehingga melanggar syariat Islam.

“Saya rasa konvensyen ini akan memberi manfaat kepada masyarakat kita di sekitar kawasan ini dan memperbetulkan tanggapan negatif masyarakat kita yang mana kita orang Islam juga mampu berjaya dalam semua bidang.

“Apa yang paling penting pada saya adalah untuk



**Che Ani (kiri)** menyampaikan cenderahati kepada **Syeikh Marwazi (kanan)** pada majlis perasmian Konvensyen Hayaatul Islamiyyah 2014.

memperbetulkan minda masyarakat yang seolah-olah melihat tidak ada jalan keluar bagi masalah yang dihadapi.

“Kita harap konvensyen ini mampu memberi pendedahan kepada masyarakat

untuk mengikut garis panduan Islam,” katanya pada majlis perasmian Konvensyen Hayaatul Islamiyyah 2014 Kolej Universiti Insaniah (Kuin), di sini, semalam.

Program tersebut di-

adakan bermula semalam hingga 11 Mei dengan pelbagai aktiviti yang diatur dalam usaha memberi ilmu serta kefahaman kepada masyarakat mengenai kehidupan yang berlandaskan Islam.

Dalam pada itu, Timbalan Rektor Kuin, Dr Che Ani Mat berkata program tersebut mampu memberi ilmu serta mendidik masyarakat supaya mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan.

“Program ini amat baik untuk melatih kepentingan agama, muamalat, dan kepentingan hidup dalam menghayati Islam sebagai satu wadah kehidupan.

“Program memberi manfaat kepada semua orang, dan pelbagai program kita aturkan untuk memberi kefahaman kehidupan tersusun dan terancang dalam Islam,” katanya.